

Contoh borang saman dan penyata tuntutan

BORANG MS 2

**ENAKMEN TATACARA MAL MAHKAMAH SYARIAH
(NEGERI PULAU PINANG) 2004**

[Seksyen 8(a)]

SAMAN

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI SYARIAH PULAU PINANG
DI NEGERI PULAU PINANG**

SAMAN NO:

ANTARA

.....

... PLAINTIF

DAN

.....

... DEFENDAN

Kepada (defendan yang dinamakan di atas) yang beralamat di

Anda dengan ini disaman supaya hadir sama ada sendiri atau melalui Peguam Syarie anda di hadapan Mahkamah Tinggi Syariah di Pulau Pinang pada hari pada haribulan 20 .., pukul pagi/petang, untuk menjawab suatu tuntutan terhadap anda oleh Plaintiff yang dinamakan di atas, yang butir-butirnya ada dinyatakan dalam penyata tuntutan yang diendorskan di sini.

Ambil perhatian bahawa jika anda ingkar hadir di Mahkamah pada hari dan masa yang ditetapkan, Mahkamah boleh terus mendengar dan memutuskan kes tanpa kehadiran anda.

Dan ambil perhatian bahawa jika anda ingin membela diri terhadap tuntutan itu, anda hendaklah memfailkan di Mahkamah ini dan menyampaikan kepada plaintiff suatu pembelaan dalam borang yang ditetapkan sebelum tarikh yang tersebut di atas atau hadir di Mahkamah pada tarikh itu.

Bertarikh pada haribulan 20 ..

(Meterai)

.....
Hakim/Pendaftar

Saman ini telah difailkan oleh Plaintiff yang beralamat di

PERNYATAAN TUNTUTAN

1. Plaintif (NO. K/P :
.....) yang beralamat di
.....

"Sesalinan Kad Pengenalan dan surat pengesahan tempat tinggal dilampirkan dan ditandakan sebagai Ekshibit"

2. Defendan, (NO. K/P:
.....) yang beralamat di
.....

3. Plaintif telah bercerai dengan Defendan pada 14hb Januari 2009 di Negeri Sembilan.

"Sesalinan Sijil Perceraian dilampirkan dan ditandakan sebagai Ekshibit....."

4. Sepanjang tempoh perkahwinan, Plaintif dan arwah telah dikurniakan dua (2) orang cahayamata iaitu :

i.
(Tarikh Lahir:)

ii.
(Tarikh Lahir:)

"Salinan Sijil Kelahiran Anak-anak dilampirkan dan ditandakan sebagai Ekshibit"

5. Sepanjang tempoh perkahwinan Plaintif dan arwah, mereka telah memperolehi harta-harta yang ingin dipohon oleh Plaintif dan mahu mahkamah isytiharkan sebagai harta Sepencarian. Antara harta-harta tersebut ialah:

- i. Sebuah rumah yang beralamat di bernilai RM230,000.00. (selepas ini disebut sebagai 'rumah tersebut')

"Sesalinan Perjanjian Jual Beli bertarikh dan Surat Tuntutan Pembelian Harta dilampirkan secara kolektif dan ditandakan sebagai Ekshibit....."

- ii. Sebuah Pangsapuri yang beralamat di bernilai RM60,000.00.(selepas ini disebut sebagai 'rumah tersebut')

"Sesalinan Perjanjian Jual Beli bertarikhdilampirkan dan ditandakan sebagai Ekshibit"

6. Rumah yang beralamat di dibeli dalam tempoh perkahwinan mereka iaitu pada tahun 2002 atas nama arwah. Plaintiff telah memberi sumbangan secara tidak langsung ke arah perolehan rumah tersebut.

7. Manakala sebuah Pangsapuri yang beralamat di iaitu semasa dalam tempoh perkahwinan arwah dengan isteri pertama.

8. Plaintiff telah banyak memberi sumbangan sama ada secara langsung dan tidak langsung ke arah pemilikan, perolehan dan penyelenggaraan harta-harta tersebut. Malahan Plaintiff juga telah mengambil alih secara langsung ke atas penjagaan dan penyelenggaraan rumah-rumah tersebut ketika arwah sedang sakit dan selepas arwah meninggal dunia.

9. Oleh yang demikian, Plaintiff dengan tawaddu'nya memohon kepada mahkamah yang mulia ini mengeluarkan perintah seperti berikut :

- i. Mahkamah meluluskan permohonan Harta Sepencarian oleh Plaintiff berdasarkan Seksyen 122 Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Pulau Pinng) 2004,

- ii. Mahkamah mengeluarkan perintah dan membuat pembahagian ke atas harta-harta yang dituntut oleh Plaintiff mengikut pembahagian Harta Sepencarian.

- iii. Mahkamah yang mulia membenarkan apa-apa relief yang difikirkan adil oleh mahkamah yang mulia ini.

Bertarikh pada ,haribulan ,200

.....
Peguan Syarie Plaintiff

Penyata Tuntutan ini telah difailkan oleh Plaintiff yang beralamat